



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**


KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia sama ada bertaraf Bumiputera @ bukan Bumiputera di Negeri Kelantan di bawah pecahan kepala Bekalan Pejabat dan Alatulis (020601) bagi menyertai sebutharga berikut:

NO. SEBUTHARGA	SEBUT HARGA
PTG 02/2022	Membekal dan Menghantar Fail Jopa Serta Plastik Jopa Kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan bagi Tahun 2022

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat **mulai 15.03.2022 hingga 23.03.2022** di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Blok 3, Kota Darulnaim, 15576 Kota Bharu dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA. Borang Sebutharga berharga **RM10.00 (Sepuluh Ringgit)**.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan tajuk dan No. Sebut harga dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang ditetapkan di **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan, Blok 3, Kompleks Kota Darulnaim, 15576 Kota Bharu** sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari** bertarikh **23.03.2022 (Rabu)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah / tinggi atau pun mana-mana tawaran.


**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN**
TARIKH : 08 MAC 2022

